

1 November 2024

**SIARAN MEDIA**  
Untuk Hebahan Segera



## **KEMPEN RAYUAN MUSIM SEJUK IR MALAYSIA SASAR BANTU PENDUDUK GAZA DAN LUBNAN**

**BANGI** – Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) hari ini melancarkan Kempen Rayuan Musim Sejuk bagi mengumpul dana khusus untuk membantu penduduk Timur Tengah yang terjejas dengan ancaman musim sejuk.

IR Malaysia menyasarkan kutipan dana sebanyak RM200,000 bermula 1 November hingga 31 Disember 2024 untuk disalurkan kepada keluarga-keluarga yang terjejas teruk di Gaza, Palestin dan keluarga kurang berkemampuan di Lubnan.

Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia, Mohd Shukor Tahir berkata, bantuan akan diagihkan di beberapa kawasan seperti utara Gaza, Gaza tengah, Khan Younis dan Rafah di Palestin manakala di Lubnan, agihan akan dilaksanakan di Akkar, El Hermel, El Minieh-Dennie, Baalbek, Zahle, Baabda, West Bekaa, Rachaya, Jezzine dan Hasbaya.

“Antara bantuan yang akan diberikan kepada penduduk Gaza ialah barangan keperluan seperti pakaian musim sejuk dan selimut. Manakala di Lubnan, bantuan meliputi pek makanan dan bantuan tunai.

“Tahun ini, dijangka seramai 32,704 orang dari kedua-dua negara mendapat manfaat melalui bantuan musim sejuk IR Malaysia,” katanya.

Tambah Mohd Shukor, keperitan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh penduduk Gaza dan Lubnan ketika ini harus diambil perhatian oleh semua pihak.

“Kita semua maklum, Gaza masih berada di fasa peperangan dan konflik di Lubnan pula semakin meningkat dan merebak. Keadaan sangat genting saat ini, jadi, penting untuk kita membantu penduduk Gaza dan Lubnan demi memastikan musim sejuk mereka dapat diharungi dengan baik dan penuh kehangatan.

“Saya menyeru kepada semua, marilah kita bersama-sama membantu dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang diuji khususnya kanak-kanak, bayi, warga emas dan kaum wanita kerana mereka merupakan golongan yang paling terdedah dengan ancaman maut ketika musim sejuk,” katanya.



Sementara itu, seorang penduduk Gaza berkongsi, “Kami sudah tidak tahu ke mana lagi nak pergi. Semua tempat telah musnah.

“Sedih melihat nasib anak-anak saya yang terpaksa menghadapi musim sejuk hanya dengan sehelai pakaian nipis. Jika kami tidak mati kerana dibom, mungkin kami akan mati akibat kelaparan dan kesejukan.”

Tahun lalu, melalui sumbangan rakyat Malaysia, IR Malaysia berjaya melaksanakan projek bantuan musim sejuk di Lubnan dengan mengagihkan barangan keperluan seperti baucar pakaian, tilam dan selimut kepada 133 keluarga dan memanfaatkan 665 individu.

Orang ramai diseru untuk menyokong usaha kemanusiaan ini dan menyumbang ke kempen Rayuan Musim Sejuk melalui laman web IR Malaysia; [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

- TAMAT -

---

## **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

## **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penajaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.  
Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)*